

# Tingkat pembelian vaksin bantu capai imuniti kelompok

**Kuala Lumpur:** Cadangan kerajaan untuk meningkatkan pembelian vaksin COVID-19 bagi menampung keperluan imunisasi 70 peratus rakyat ini akan membolehkan Malaysia mencapai imuniti kelompok (herd immunity).

Pakar kesihatan berpendapat, langkah itu membolehkan penularan virus dikawal dan memutuskan rangkaian jangkitan.

Pakar respiratori, Hospital Pantai Kuala Lumpur, Dr Helmy Haja Mydin, berkata penambahan pembelian vaksin berkenaan amat wajar dilakukan jika kerajaan berkemampuan, berbanding perancangan asal untuk diberi kepada 30 peratus rakyat saja.

“Ia akan membantu kita mencapai imuniti kelompok dan secara tidak langsung, ini akan membantu kita dari segi menjana semula aktiviti ekonomi negara,” katanya, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kerajaan bercadang meningkatkan pembelian vaksin COVID-19 untuk menampung keperluan imunisasi kepada 70 peratus rakyat daripada sasaran asal 30 peratus.

Perdana Menteri berkata, beliau akan meminta pembekal menyegerakan penghantaran berbanding jadual asal mulai Mac tahun depan bagi memastikan kesihatan rakyat terus terjamin.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Dr Aidalina Mahmud, berkata jika lebih ramai rakyat menerima vaksin itu, lebih berkesan jangkitan dapat dikawal.